



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
21 JUN 2019 (JUMAAT)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

| | |
|--------------|-------------------------------|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | Mohon jalan sempit dilebarkan |
| MUKA SURAT | 33 |

Mohon jalan sempit dilebarkan

Pemandu terpaksa undur jika selisih lori muatan sawit

MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR
SINAR - M/S - 33
BAGAN TERAP

Penduduk memohon agar Jalan Tebuk Baru dilebarkan kerana laluan tersebut terlalu sempit untuk dilalui.

Mereka mendakwa keadaan jalan menyukarkan pengguna jika jumlah kenderaan bertambah.

Seorang penduduk, **Shabudin Yusof**, 53, berkata, jalan menghala ke

Kampung Tok Khalifah itu sesak setiap kali lori sawit keluar masuk di laluan berkenaan.

Menurutnya, pemandu kenderaan seperti kereta terpaksa berundur jika berselisih dengan lori muatan sawit.

"Jalan ini terlalu sempit dan mengundang bahaya kepada pemandu yang mengundurkan kenderaan mereka.

"Kami risau jika kereta tersalah undur boleh mengakibatkan terperosok ke dalam parit bersebelahan," katanya.

Shabudin memberitahu, jalan sepanjang kira-kira 300 meter itu perlu dilebarkan kepada dua meter lagi bagi memberi keselesaan kepada pengguna.



Jalan Tebuk Baru yang sempit menyukarkan pemandu kenderaan berselisih di laluan berkenaan.

"Jalan ini sentiasa dilalui kenderaan kerana terdapat kira-kira 40 penduduk yang menetap di kawasan berhampiran,"

katanya.

Seorang lagi penduduk, **Mokhtar Sulaiman**, 55, memberitahu perkara itu sudah beberapa kali diaju-

kan kepada pihak berkaitan namun sehingga kini tiada jalan penyelesaian.

Menurutnya, walaupun tiada kemalangan tetapi

info

Jalan sepanjang 300 meter itu turut menjadi laluan lori kelapa sawit

langkah berwaspada perlu diambil bagi mengelakkan berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

"Saya berharap pihak berwajib memberi pertimbangan sewajarnya berhubung keadaan jalan yang sempit ini supaya dilebarkan pada masa akan datang. Ini juga bagi mengelakkan kemalangan

"Pelebaran jalan yang sekian lama sempit ini akan memudahkan penduduk berhampiran menggunakan laluan lebih selamat," katanya.

| | |
|--------------|---------------------------------------|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | MPK serah senarai nama, alamat kilang |
| MUKA SURAT | 23 |

MPK serah senarai nama, alamat kilang



Mohamad Yasid (dua dari kiri) mengiringi Abdul Rashid (tiga dari kiri) menyampaikan duit raya kepada penerima pada Majlis Mesra Aidilfitri MPK di Taman Pengkalan Batu semalam. **SINAR**

m/s-23

KLANG – Majlis Perbandaran Klang (MPK) sudah menghantar senarai nama dan alamat 30 kilang plastik haram di daerah itu kepada Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk tujuan pemotongan bekalan elektrik.

Yang Dipertuanya, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, tindakan itu bagi memudahkan pihaknya menjalankan operasi penguatkuasaan.

Menurutnya, sebelum ini operasi tidak dapat dilakukan kerana tiada kelulusan daripada suruhanjaya itu.

“Kita akan menjalankan operasi secara besaran-

besaran selepas mendapat kelulusan suruhanjaya berkenaan,” katanya kepada pemberita pada Majlis Mesra Aidilfitri MPK di Taman Pengkalan Batu di sini semalam.

Menurut beliau, kebanyakan pemilik kilang haram masih berdegil dan beroperasi walaupun sudah disita dan dikenakan kompaun.

“Perkara ini berlaku kerana bekalan elektrik masih berfungsi dan mereka tahu kuasa kita terhad.

“Kita hanya boleh mengeluarkan notis amaran, kompaun dan bawa kes terbabit ke mahkamah. Jadi

mereka lebih berani bertindak,” katanya.

Mohamad Yasid memberitahu, kilang plastik itu giat beroperasi terutama di Telok Gong, Pulau Indah dan Kawasan Perindustrian Sobena di Pelabuhan Klang.

“MPK menerima banyak aduan mengenai kes pencemaran. Jadi operasi besar-besaran akan bermula tidak lama lagi bagi membendung kilang haram ini,” katanya.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan pemilik kilang plastik haram diberi amaran menutup kilang bagi mengelakkan tindakan undang-undang

| | |
|--------------|-------------------------------|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | Lapang sasaran memanah di UKM |
| MUKA SURAT | 24 |



Mazwan (empat dari kanan) bersama wakil UKM selepas lawatan di lapang sasaran di universiti itu baru-baru ini.

Lapang sasaran memanah di UKM *SINAR - M/S-24*

BANGI – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Ramal, Mazwan Johar menjalin bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi mewujudkan lapang sasaran memanah di pusat pengajian tinggi itu.

Mazwan berkata, sukan memanah kini popular di DUN itu.

“Sukan ini juga menarik perhatian saya kerana rakyat suka dan dalam masa yang sama ianya perkara yang bagus dan baik,” katanya di laman sosialnya semalam.

Mazwan yang juga pena-

ung Akademi Memanah AR Razzaq (Akma) berkata, beliau berusaha memainkan peranan membantu kelab itu walaupun sukar mendapatkan tapak yang sesuai.

Beliau berkata, UKM mempunyai lapang sasaran menembak senjata api namun tidak lagi digunakan untuk aktiviti itu atas nasihat pihak polis kerana tidak memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan.

“Pihak pengurusan UKM menyambut baik hasrat saya malah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Ir Datuk Dr Othman A Karim

sudi mengiringi saya melawat tapak lapang sasaran itu,” katanya.

Beliau berkata, hasil lawatan tersebut menunjukkan persefahaman dan kerjasama untuk menjadikan lapang sasaran itu sebagai lokasi latihan sukan memanah di samping beberapa aktiviti lasak yang lain.

“Saya berbesar hati dengan kerjasama dan layanan serta penerimaan yang sangat baik dan positif yang diberikan oleh pihak UKM daripada awal saya menjadi ADUN Sungai Ramal,” katanya.

| | |
|--------------|-----------------------|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | KRT setuju alih kabin |
| MUKA SURAT | 24 |

KRT setuju alih kabin



Mohamad (kiri) meluangkan masa meninjau lokasi kerja-kerja menaik taraf longkang di Taman Saga kelmarin.

SINAR - m/s - 24

TAMAN SAGA – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengarahkan Kawasan Rukun Tertangga (KRT) Taman Saga mengalihkan kabin kawalan keselamatan Skim Rondaan Suka-rela (SRS) bagi memberi laluan kepada projek menaik taraf longkang di kawasan itu.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat berkata, perbincangan sudah dilakukan bersama Pengerusi KRT Taman Saga, Abdul Razak A Rahman berhubung isu berkenaan sebelum ini.

“KRT Taman Saga bersetuju

memindahkan kabin tersebut. Terima kasih kepada Abdul Razak Rahman dan Persatuan Penduduk Taman Saga yang memberikan kerjasama baik memindahkan kabin berkenaan,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Mohamad Samat berkata, pihaknya akan memantau kerja menaik taraf longkang yang sedang giat dilaksanakan.

“Kos menaik taraf saluran itu dianggarkan sebanyak RM350,000 dan dijangka siap dalam tempoh dua bulan lagi,” katanya.

| | |
|---------------------|--|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | Tamat kontrak jika langgar syarat |
| MUKA SURAT | 21 |

Tamat kontrak jika langgar syarat

Penyewa Skim Smart Sewa jangjan sewakan rumah kepada pihak ketiga

m/s-21

KLANG

SINAR

Mana-mana penyewa unit kediaman bawah Skim Smart Sewa Rumah Selangorku yang dikesan melanggar syarat perjanjian yang ditetapkan, berdepan tindakan ditamatkan kontrak penyewaan.

Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha berkata, peluang di bawah skim berkenaan perlu dimanfaatkan sebaiknya dengan rasa penuh bertanggungjawab.

“Penyewa diingatkan supaya tidak membenarkan

kan orang luar untuk menumpang atau menyewakan mana-mana bahagian dalam unit berkenaan kepada orang lain.

“Selain itu, penyewa juga diingatkan untuk membayar sewa pada atau sebelum tujuh hari sebelum setiap bulan untuk memastikan mereka layak menerima pulangan 30 peratus di akhir tempoh sewaan,” katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Skim Smart Sewa Dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Pangsapuri Asteria, Bandar Parklands di sini semalam.

Beliau berkata, usaha kerajaan negeri melalui pelaksanaan skim berkenaan mampu mengurangkan masalah rakyat khususnya dalam memenuhi keperluan masyarakat memiliki rumah sendiri.

Katanya, sehingga kini



Haniza bersama penduduk pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Skim Smart Sewa semalam.

sejumlah 993 unit rumah dibeli Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk disewakan semula bawah skim tersebut

“Sebanyak RM210 juta telah diperuntukkan sepanjang tempoh empat tahun bermula 2016 sehingga

tahun ini bagi pembelian unit-unit ini yang disewakan dengan kadar bermula RM450 sehingga RM700 sebulan.

“Semua unit ini terletak di hampir kebanyakan kawasan bandar yang mempunyai permintaan sewa rumah yang tinggi antara-

nya Rawang, Kajang, Kuala Selangor, Klang, Puchong dan Shah Alam,” katanya.

Dalam pada itu, Haniza berkata, kerajaan negeri akan mengesyorkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memperlu-

askan model itu ke seluruh negara sebagai usaha membantu rakyat memiliki rumah.

“Rakyat berpendapatan rendah dapat menyewa kediaman dalam persekitaran yang lebih kondusif di samping dapat menyimpan. Tempoh sewa antara dua hingga lima tahun ditetapkan dan selepas tamat tempoh, 30 peratus dari keseluruhan bayaran sewa akan dipulangkan.

“Pengembalian 30 peratus ini membolehkan penyewa menggunakannya sebagai bayaran deposit. Penyewa-penyewa ini akan diberi keutamaan untuk memberi Rumah Selangorku,” katanya.

Terdahulu, 70 keluarga menerima Skim Smart Sewa di pangsapuri terbabit selepas menerima kunci yang diserahkan sendiri ADUN Lembah Jaya itu.



KERATAN AKHBAR 21 JUN 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|-----------------------------------|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | 5,000 hadir majlis Aidilfitri MPK |
| MUKA SURAT | 23 |

5,000 hadir majlis Aidilfitri MPK

SINAR - m/s - 23

KLANG – Majlis Mesra Aidilfitri Majlis Perbandaran Klang (MPK) meriah dengan kehadiran lebih 5,000 tetamu.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin bersyukur kerana majlis itu membuktikan ikatan silaturahmi yang kukuh di antara pihak berkuasa tempatan itu dan pelanggannya.

“Alhamdulillah, majlis berlangsung meriah apabila tetamu yang hadir di jangkakan dan orang ramai turut meraikan majlis ini.

“Kehadiran mereka menunjukkan keprihatinan serta peka dengan aktiviti yang kita anjurkan,” katanya ketika ditemui media pada majlis berkenaan di Taman Pengkalan Batu di sini semalam.

Turut hadir, Orang Besar Klang, Datuk Abdul Ghani Pateh Akhir dan Exco Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan, Datuk Abdul Rashid Asari.

Menurut beliau, Taman Pengkalan Batu dipilih menjadi lokasi penganjuran bagi mempromosikan kawasan rekreasi itu kepada umum.

“Kita ubah lokasi yang terletak di pinggir Sungai Klang kerana mempunyai daya tarikan tersendiri selain bersih serta udara nyaman,” katanya.

Mohamad Yasid turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada 120 tetamu terdiri daripada fakir miskin, mualaf dan Orang Kurang Upaya di Klang.



KERATAN AKHBAR 21 JUN 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | BERITA HARIAN |
| TAJUK BERITA | Bekalan elektrik 30 kilang plastik haram bakal dipotong |
| MUKA SURAT | 56 |

Bekalan elektrik 30 kilang plastik haram bakal dipotong

→ MPK sudah hantar senarai nama, alamat kepada ST

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

► Klang

Majlis Perbandaran Klang (MPK) sudah menghantar senarai nama dan alamat 30 kilang plastik haram di daerah itu kepada Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk tujuan pemotongan bekalan elektrik ke premis terbabit.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohd Yasid Bidin berkata, senarai nama itu dibuat selepas pihaknya menjalankan pemeriksaan terhadap kilang berkenaan.

Katanya, MPK memerlukan kelulusan daripada ST untuk memotong bekalan elektrik agar kilang haram berkenaan tidak boleh meneruskan operasi masing-masing.

"Dalam operasi sebelum ini, kami bersama-sama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menjalankan operasi bersama tetapi tidak dapat melakukan pemotongan bekalan elektrik kerana belum mendapat kelulusan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Mesra Aidilfitri MPK, di Taman Pengkalan Batu, di sini, semalam.

Mohd Yasid berkata, kilang berkenaan adalah yang beroperasi di Telok Gong, Pulau Indah serta Taman Industri Sobena Jaya.

Kilang masih beroperasi

Katanya, kebanyakan kilang haram yang disita masih meneruskan operasi secara senyap pada waktu malam kerana bekalan elektrik tidak dipotong.

"Saya rasa bekalan elektrik yang tidak dipotong adalah punca utama kilang ini sukar ditutup kerana jika tiada elektrik, mereka tidak boleh beroperasi."

"Mereka degil, tidak takut walaupun sudah disita atau dikenakan kompaun kerana mereka tahu kuasa kita sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) terhad, malah kalau ingin membawa kes ke mahkamah

juga bukan perkara yang mudah.

"Pemotongan bekalan elektrik dilihat sebagai cara yang boleh mengekang operasi kilang haram ini," katanya.

Sementara itu, seramai 5,000 tetamu termasuk EXCO kerajaan negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), ahli majlis dan orang awam menghadiri majlis mesra Aidilfitri MPK itu yang diadakan di Taman Pengkalan Batu iaitu taman rekreasi di tepi Sungai Klang.

Sebanyak 100 orang yang terdiri daripada fakir miskin serta Orang Kelainan Upaya (OKU) menerima sumbangan duit raya yang disampaikan oleh ADUN Selat Klang merangkap EXCO Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Selangor, Datuk Abdul Rashid Asari.



KERATAN AKHBAR 21 JUN 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|--|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Istana hantar surat, arah titah Sultan Selangor dikuatkuasakan |
| MUKA SURAT | 2 |

Istana hantar surat, arah titah Sultan Selangor dikuatkuasakan

SHAH ALAM 20 Jun - Istana Selangor sekali lagi terpaksa campur tangan mengenai isu papan tanda jalan dalam bahasa Cina di Tanjung Sepat selepas perkara sama berlaku pada November tahun lalu akibat kecuaiannya dan kurangnya sensitiviti pihak berwajib.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani hari ini mengesahkan, beliau telah menghantar surat kepada kerajaan negeri berhubung isu berkenaan dan mengarahkan agar titah Sultan Salahuddin Idris Shah segera dikuatkuasakan.

Jelas Mohamad Munir, surat itu dihantar kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahya tetapi beliau tidak memaklumkan tarikh dihantar.

"SUK akan membincangkan perkara ini dengan Menteri Besar,

Penggunaan bahasa Cina masih berleluasa

Ingkari titah Sultan Selangor?

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
pengira@utusan.com.my

KUALA LANGAT 17 JUN

TITAH Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Idris Shah sebelum ini adalah jelas, papan tanda jalan di negeri perlu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan teguran tersebut juga berkuatkuasa.

(MBSA).

Namun, timbul persoalan apabila titah tersebut tidak terpakai ke atas Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) atau sebaliknya diingkari apabila melihat banyak papan tanda jalan di kawasan Tanjung Sepat masih lagi ditulis dalam bahasa Cina.

lorong memaparkan tulisan Cina. Bukan itu sahaja, jalan utama memasuki pekan Tanjung Sepat itu yang tertulis Jalan Barat juga mempunyai tulisan Cina. Malah, selain papan tanda jalan dalam tulisan Cina, papan tanda ucapan selamat datang ke Tg. Sepat Indah yang terdapat di jalan utama ke pekan tersebut tidak terkecuali ditulis dalam bahasa Cina.

vember tahun lalu, apabila timbulnya kontroversi papan tanda jalan dalam bahasa Cina di Shah Alam, Sultan Sharafuddin Idris Sultan Selangor telah menitahkan supaya semua papan tanda jalan bahasa Melayu sahaja. Titah itu disampaikan Setiausaha Sulit baginda, Datuk Mohamad Munir Bani, menerusi surat yang dialamatkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Bandar Shah Alam.

LAPORAN Utusan Malaysia 18 Jun 2019.

Amirudin Shari dan kemudian akan membuat arahan lanjut," katanya ketika dihubungi hari ini.

Pada Selasa lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan kesemua papan tanda jalan di Tanjung Sepat turut menggunakan bahasa Cina, yang bertentangan dengan titah Sultan Selangor yang mahu hanya bahasa Melayu digunakan.

Pada November tahun lalu, ekoran papan tanda jalan dalam bahasa Cina di Shah Alam, Sultan Salahuddin menitahkan hanya bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sahaja boleh digunakan dan semua papan tanda jalan yang tidak menepati piawaian itu diturun dan digantikan.



KERATAN AKHBAR 21 JUN 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|------------------------------------|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Kerajaan Selangor beri mesej salah |
| MUKA SURAT | 3 |

Kerajaan Selangor beri mesej salah

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
pengarang@utusan.com.my

TIGA hari sudah berlalu selepas isu papan tanda jalan di Tanjung Sepat yang tidak mengikut titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dilaporkan, tetapi apa yang mendukacitakan hingga kini tiada sebarang tindakan bersungguh oleh pihak berkuasa.

Baik di peringkat Menteri Besar, Exco berkaitan mahu pun pihak berkuasa tempatan (PBT), semua dilihat tidak begitu cakna dalam isu tersebut. Apa yang ada setakat ini hanya kenyataan bersifat 'bangau oh bangau' daripada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Sedangkan, isu papan tanda jalan dalam bahasa Cina tersebut besar implikasinya kepada Selangor, dan seharusnya semua pihak sedar bahawa titah Sultan Salahuddin perlu dihormati serta diterjemahkan melalui pelaksanaan, bukan dengan mencari pelbagai alasan.



Analisis

Ini kerana hal itu sudah diketahui umum atau dengan kata lain, ingkar kepada titah baginda. Sekalipun MDKL memberi alasan papan tanda itu dibuat atas arahan bekas Exco, Ean Yong, pada 2016, alasan itu dilihat tidak lebih sebagai perbuatan saling menuding jari setelah tergadahnya.

Apa yang rakyat Selangor hendak tahu sekarang bilakah papan tanda jalan tersebut hendak diturun dan digantikan dengan yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Tapi malangnya tiada sebarang jawapan diberikan Exco berkaitan ketika dihubungi sejak tiga hari lalu.

Pejabat Menteri Besar juga seperti membiarkan PBT menyelesaikan isu berkenaan sedangkan boleh diselesaikan se-

cara amat mudah dengan hanya satu arahan ringkas daripada Menteri Besar, Amirudin Shari kepada MDKL, seperti dalam kes di Shah Alam tahun lalu.

Amirudin sendiri tentunya tidak mahu kepimpinannya dilemparkan dengan persepsi yang kurang enak disebabkan isu papan tanda jalan, yang keputusannya dibuat Ean sebelum beliau mengambil alih jawatan Menteri Besar.

Padahal, prestasi pentadbirannya secara keseluruhan adalah amat baik termasuk membawa pelaburan tempatan dan luar negeri berjumlah RM18.947 bilion ke Selangor, sekali gus membolehkan kerajaan negeri memperoleh hasil sebanyak RM1.214 bilion sehingga 7 Jun lalu.

Oleh itu YB, bertindaklah segera dan laksanakanlah titah Sultan Selangor dengan tegas, janganlah sampai rakyat resah. Jangan ulang atau biarkan keadaan sehingga ada yang merasakan seperti cacing naik ke mata.

| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Sambutan Hari Raya Aidilfitri TDI Meru meriah |
| MUKA SURAT | 46 |

Sambutan Hari Raya Aidilfitri TDI Meru meriah

Oleh **YULPISMAN ASLI**
kota@utusan.com.my

KLANG 20 Jun - Lebih 500 penduduk pelbagai kaum di Taman Desa Indah (TDI) Meru dekat sini, memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri 2019 anjuran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Persatuan Penduduk taman berkenaan.

Majlis yang diadakan pada malam minggu itu ternyata berjaya merapatkan hubungan silaturahim dan perpaduan sesama mereka.

Menariknya, penduduk turut bergotong-royong pada sebelah siang memasak pelbagai juadah seperti ketupat, rendang, laksa, yang disajikan pada majlis berkenaan.

Majlis yang berlangsung di Dataran Surau Al Muhajirin, merupakan pembuka tirai kepada siri baraan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan berlangsung pada setiap malam sehingga 30 Jun ini.

Yang turut hadir memeriahkan majlis Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd. Fakhrurazi Mokhtar; Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK), Abdul Halim Mohamaed Redzuan dan Pembantu Pegawai Perpaduan, Pejabat Perpaduan dan Integrasi Nasional Daerah

Klang, Mohd. Adli Abdullah.

Turut hadir Ketua Balai Polis Meru, Sarjan Sulaiman Abu Samah dan Pengerusi KRT dan Persatuan Penduduk TDI, Mohd. Mohimin Abdul Fatah.

Mohd. Fakhrurazi dalam ucapannya berkata, majlis berkenaan dapat merapatkan hubungan silaturahim sesama penduduk pelbagai kaum.

Jelasnya, ini kerana perbezaan politik kerap menjadi hambatan kepada penyatuan penduduk.

“Sehubungan itu, majlis seperti ini dapat menyelesaikan masalah antara penduduk,” katanya.

Dalam masa sama, beliau turut mengajak penduduk TDI menjadi mata dan telinga kepada pihak kerajaan bagi membolehkan pelbagai bantuan disediakan disalurkan kepada mereka yang memerlukan.

Sementara itu, Mohd. Mohimin berkata, majlis dapat menyatukan kepelbagaian penduduk dalam pelbagai aspek agar mereka dapat menikmati keamanan.

“Kehadiran dan sokongan penduduk yang berpakaian berwarna-warni dan ceria membanggakan kami. Program ini berjaya kerana sokongan semua pihak,” katanya.



SEBAHAGIAN penduduk Taman Desa Indah Meru, Klang Selangor mengambil juadah yang disediakan sempena majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri 2019, baru-baru ini.

| | |
|--------------|---------------------------------|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Dua tahun hidu bau busuk sampah |
| MUKA SURAT | 46 |



Penduduk mahu tapak pembuangan ditutup segera

Dua tahun hidu bau busuk sampah

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
kota@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 JUN

PIHAK berkuasa digesa segera menutup sebuah tapak sampah haram berhampiran Kampung Kuantan, Jalan Gombak dekat sini.

Ini berikutan bau busuk daripada aktiviti pembuangan dan pembakaran sampah di kawasan itu telah menyebabkan kehidupan kira-kira 1,000 penduduk berhampiran terjejas.

Penduduk mendakwa mereka terpaksa menghidu bau busuk dan menyedut asap setiap hari sejak dua tahun lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati tapak sampah haram itu hanya terletak kira-kira 50 meter dari kawasan perumahan.

Timbalan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Parlimen Wangsa Maju, Andre Lai memberitahu, pada asalnya

tapak berkenaan merupakan sebuah kilang namun telah dirobohkan pada hujung 2017 kerana beroperasi secara haram.

“Selepas kilang itu dirobohkan, sisa-sisa pembinaan tidak dibersihkan secara menyeluruh menyebabkan ada pihak-pihak tertentu membuang sampah termasuk sisa pukat seperti perabot, kayu dan sisa binaan.

“Bukan itu sahaja, pihak berkenaan turut membakar sampah sehingga menyebabkan bau busuk dan menjejaskan kesihatan penduduk terutama warga emas dan kanak-kanak,” katanya dalam sidang akhbar di sini.

Tambah Andre, sehubungan itu pihak berkaitan perlu diminta membuat pemantauan berterusan bagi menghalang pembuangan dan pembakaran sampah di tapak itu.

“Saya juga berharap tapak pelupusan sampah haram itu ditutup demi keselesaan dan kesihatan penduduk sekitar,” ujarnya.

SEORANG penduduk melalui kawasan berhampiran tapak pembuangan sampah haram di Kampung Kuantan, Batu 4, Gombak, Kuala Lumpur.

